

Angkasa pelawa wanita babitkan diri dalam koperasi

Kuala Lumpur: Pembabitkan wanita dalam koperasi wajar diperkasakan melalui pelbagai aktiviti ekonomi yang dapat menjana pendapatan bagi memastikan koperator wanita terus berdaya saing.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, walaupun pembabitan golongan ini di peringkat pembuat keputusan masih kurang menggalakkan, Angkasa sentiasa mengalu-alukan mereka untuk berani bergerak ke hadapan supaya dapat menggunakan sepenuhnya potensi diri dalam pembangunan ekonomi koperasi.

Katanya, jika sumbangan wanita dalam pembangunan negara dikecualikan, bermakna tenaga kerja negara ini akan kurang secara mendadak kerana hampir 36 peratus daripada tenaga kerja di negara ini terdiri daripada golongan wanita.

"Mengikut statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 2021, terdapat 273 koperasi dalam kalangan wanita dan ibu tunggal dengan keanggotaan seramai 29,761 orang; modal syer berjumlah RM18.63 juta dan aset sebanyak RM77.75 juta yang menjana perolehan sehingga RM16.74 juta.

"Walaupun jumlah ini tidaklah besar, tetapi tetap signifikan sekali gus menunjukkan golongan wanita sebenarnya memainkan peranan besar kepada pembangunan ekonomi negara," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Pengerusi Konsortium Koperasi Wanita Malaysia Berhad (Kowima) Noorizan Abdul Latif berkata, sehingga kini sebanyak 16 koperasi menganggotai Kowima dengan keanggotaan lebih 20,000 orang.

"Ditubuhkan pada 21 Disember 2017, Kowima menggabungkan koperasi wanita, koperasi ibu tunggal, koperasi kaum ibu seluruh negara bagi menjayakan program pembangunan koperasi serta mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada komuniti wanita," katanya.